

**TEKS UCAPAN  
TUAN YANG DIPERTUA  
SEMPENA  
PERHIMPUNAN KORPORAT  
7 OGOS 2014 (KHAMIS), JAM 8.45 PAGI**

.....

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**

Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

**Ketua-Ketua Jabatan**

**Rakan Media**

**Tuan-tuan dan Puan-puan Warga Kerja MPSP**

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Pertamanya, syukur ke hadrat Ilahi kena dengan limpah kurnia-Nya dapatlah kita berkumpul pada pagi ini bagi Perhimpunan Korporat yang kedua kalinya untuk tahun 2014.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Mengambil kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin kepada semua warga MPSP yang beragama Islam.

### **1.Pencapaian MPSP Dalam Tahun 2014**

Sebelum meneruskan perhimpunan pada pagi ini, sukacita dimaklumkan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima *Best Cities Award* dan *Best Cities Manager Award* yang disampaikan oleh Europe Business Assembly- Stresa, Itali pada 2 Julai 2014. Selain itu, MPSP juga menerima anugerah *Best Practice in Citizen Participation* daripada *International Observatory on Participatory Democracy (IOPD)* pada 4 Jun 2014 yang lalu di Canoas, Brazil.

Pada masa yang sama, melalui undian internet MPSP telah terpilih sebagai pemenang *International Contest 'Star Of Health, Wellness and Tourism'* bagi kategori - *Best Holiday Destination / Resort*. MPSP juga telah terpilih ke peringkat akhir bagi kategori – *Top Medical / Travel / Hospitality Web-Site* di dalam pertandingan tersebut. Anugerah-anugerah yang diterima ini menunjukkan bahawa Majlis Perbandaran

Seberang Perai komited dalam usaha menaikkan nama MPSP di peringkat antarabangsa.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kumpulan pantun MPSP yang diwakili oleh Puan Norlailawati binti Mohd Amin, Encik Mohamad Zamri bin Hassan dan Puan Zainab binti Saari dari Jabatan Penilaian yang telah merangkul NAIB JOHAN Pertandingan Pantun Peringkat Akhir Antara Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2014 yang telah berlangsung pada 25 Jun 2014 anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pulau Pinang.

Tahniah juga kepada Jabatan Landskap dan semua kakitangan yang terlibat dalam menjayakan FESTIVAL FLORA DAN TAMAN FLORIA PUTRAJAYA 2014 yang telah diadakan di Persisiran Tasik Presint 4, Putrajaya pada 14 Jun hingga 22 Jun 2014. Festival ini telah dirasmikan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agung Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah pada 14 Jun 2014 dan MPSP telah terpilih untuk memenangi anugerah FLORIA PRESIDENT'S AWARD dalam FESTIVAL FLORA DAN TAMAN FLORIA PUTRAJAYA 2014. Tahniah sekali lagi diucapkan.

Hadirin sekalian,

Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan telah dibuat di Majlis Perbandaran Seberang Perai pada 19 September 2013 mendapati pelaksanaan Program 5S kini dalam proses bagi memperolehi pensijilan. Disini saya, mohon kerjasama tuan-tuan dan puan-puan semua untuk mengamalkan 5S supaya MPSP boleh mendapat pensijilan pada bulan September ini.

MPSP yang telah mendapat pensijilan bagi ISO 9001:2008, EMS 14001:2004 akan diaudit esok dan pensijilan OHSAS 18001:2007 yang diperolehi bagi tahun 2013 hingga 2015 perlulah dikekalkan dan dibuat penambahbaikan dari masa ke semasa.

MPSP telah memperolehi Anugerah 4 bintang bagi PBT Star Rating 2013 semasa Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Pihak Berkuasa Tempatan 2014 di Hotel Equatorial, Melaka pada 28 April 2014. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Y.B. Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sebagai makluman semua, Sistem Pemantauan Pintar (SPP) juga telah disenarai pendek bagi anugerah inovasi iaitu Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) pada 10 April 2014 dan Anugerah Inovasi

Perdana Menteri (AIPM) pada 20 Mei 2014. Saya berharap MPSP akan mendapat kejayaan dalam anugerah yang lain.

Dalam usaha meningkatkan lagi imej di peringkat antarabangsa, MPSP akan mengadakan *Youth Exchange Programme* dengan Gwangju Metropolitan City, Korea pada 25-30 Ogos 2014. Pada tahun ini juga, MPSP telah menghantar beberapa kakitangan Majlis ke seminar di luar negara:

1. Encik Abdul Fikri Ridzauudin dan Cik Rohana Binti Mohamed Kassim telah terpilih untuk menghadiri kursus 2nd WeGO Awards & 3rd General Assembly 2014 pada 5-13 April 2014 di Seoul, South Korea.
2. Tuan Yang Dipertua dan Puan Raja Mashitah Bt Raja Zainal telah menghandiri Cities & Big Data City di Singapura pada 15-18 April 2014.
3. Puan Nur Faradilla daripada Jabatan Perancang Bandar telah menyertai Urban Transportation Policy Workshop dianjurkan oleh CITYNET di Seoul Korea pada 21-30 April 2014.

4. Tuan Yang Dipertua juga telah dijemput sebagai speaker di 4<sup>th</sup> World Human Right Cities Forum yang diadakan di Gwangju, South Korea pada 14-19 Mei yang lalu.
5. En. Mohamad Nizam Bin Shariff dan En. Mohd Nadhir Bin Abdul Aziz juga mewakili MPSP untuk menghadiri GovCOF di Kuala Lumpur pada 21-24 Mei 2014.
6. Pada 25 Mei -2 Jun yang lalu, Tuan Yang Dipertua sekali lagi dijemput sebagai Speaker di GEF Global Environment Facility di Cancun, Mexico.
7. Pada 29-30 Oktober ini, Tuan Yang Dipertua akan menghadiri Asia Smart City Conference di Yokohama.

MPSP juga telah dijemput untuk menjadi speaker di Seminar Strengthening GB-Initiatives: Experiences from China pada 14-17 September 2014 di Hangzhou, China & Abroad dan ESCAP South-South Cooperation Programme on Accessibility for Person with Disabilities yang akan diadakan pada 10-20 Disember 2014 di Guangzhou, Macao, dan Hong Kong.

MPSP juga dijemput untuk menjadi ahli International Council For Local Environmental Initiatives (ICLEI) South East Asia Regional Executive Committee” REXCOM 2015-2018). MPSP akan melibatkan diri sepenuhnya menjadi ahli dari REXCOM dan akan dijemput menyertai ICLEI World Congress pada 8 hingga 12 April di Seoul, Korea. Ianya akan dapat membantu menggalakkan Kerajaan Tempatan untuk menjadi PBT yang mampan, berdaya tahan, menguruskan sumber alam dengan cekap, kepelbagaian biologi, melaksanakan low carbon city untuk membina infrastruktur pintar, pembangunan yang mampan, ke arah bandar hijau dengan matlamat membantu masyarakat menjadi masyarakat yang sihat dan bahagia.

ICLEI terdiri daripada 84 buah negara yang komited kepada pembangunan mampan yang terdiri daripada 12 mega cities, 100 super cities and urban regions, 450 large cities, 450 small and medium sized cities and towns.

Faedah:

1. Dapat melibatkan dalam kempen dan projek ICLEI seperti LA 21, Water campaign
2. Yuran dan fees yang berpatutan bagi publication, tools and workshop fees.

3. Jaringan antarabangsa yang luas melalui seminar, bengkel dan conference
4. Pengiktirafan di peringkat antarabangsa
5. Dana perjalanan ke peringkat antarabangsa bagi conference yang diadakan oleh ICLEI

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **2.Pentadbiran - CAT**

### **Audit Perolehan**

Audit Pengurusan Perolehan telah dijalankan di MPSP dan kita telah memperoleh 3 bintang. Peratusan MPSP juga telah meningkat akan tetapi, tahap pematuhan terhadap beberapa kawalan masih perlu ditingkatkan. Oleh yang sedemikian, Jabatan perlu memastikan proses perolehan dibuat mengikut SOP, mematuhi prinsip perolehan kerajaan, dapat dimanfaatkan oleh pengguna dan mencapai objektif yang disasarkan. Majlis juga perlu membuat kajian awal diperingkat perancangan mengenai keperluan pengguna bagi sesuatu projek supaya perubahan kerja yang dibuat tidak mengganggu kelancaran proses penyediaan mengikut tempoh yang ditetapkan. Pemantauan dan pengawasan yang rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor perlu diberi untuk memastikan projek dapat dilaksanakan mengikut



spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan seterusnya dapat mengelakkan kos penyelenggaraan bagi membaiki kerja yang tidak berkualiti. MPSP memperolehi sijil bersih penutupan kewangan bagi tahun 2013.

## **Pembersihan**

Untuk makluman semua, MPSP telah mengambilalih 100% kerja-kerja pelupusan sampah dan pembersihan am di seluruh Seberang Perai mulai 1 Julai 2014. Sehingga kini sebanyak 59 buah kompaktor telah diperolehi dan baki 15 buah akan diterima secara berperingkat sehingga bulan November 2014. Bagi bilangan pekerja sehingga kini seramai 2417 orang telah di isi dan baki 52 orang akan diisi untuk menjadikan jumlah keseluruhan seramai 2469 orang. Jabatan juga telah menerima 2 orang pegawai tadbir bagi melancarkan pentadbiran Jabatan Perkhidmatan Perbandaran.

Bajet Pembersihan bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM65,172,000. Manakala bagi tahun 2014 MPSP telah memperuntukkan sebanyak RM74,121,000. Dimana peningkatan sebanyak RM8,949,000 (13.73%) bagi memenuhi ekspektasi rakyat yang tinggi dan menjaga kualiti perkhidmatan pembersihan oleh Majlis.

Bagi melancarkan proses kutipan sampah di Seberang Perai, kerjasama penduduk dan pembayar cukai dipohon untuk mengeluarkan sampah mengikut jadual.

Untuk makluman, saya menerima banyak email yang memberi penghargaan kepada Majlis dalam perkhidmatan pembersihan semasa program yang diadakan di St Anne Churh baru-baru ini. Bagi tahun 2014, kita mesasarkan untuk menurunkan 5% jumlah sampah berbanding tahun lepas iaitu penurunan sebanyak 21,392.46 tan.

### **Disiplin**

Semasa Perhimpunan Kakitangan Awam Bersama Y.B. Dato' SUK baru-baru ini, beliau menegaskan Prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus yang telah diamalkan oleh pentadbiran negeri ini telah menunjukkan kesannya yang besar. Transformasi yang berlaku di Negeri Pulau Pinang tidak boleh disangkal lagi.

Sehingga kini tahun 2014 terdapat sebanyak 15 kes tata tertib telah diambil tindakan dan diantaranya adalah 11 kes tidak hadir bertugas berbanding 20 kes pada tahun 2013. Dalam tahun 2014 MPSP telah membuang 9 pekerja dan 2 ditangguh pergerakan gaji berbanding tahun 2013, 9 pekerja telah dibuang dan 15 telah ditangguh pergerakan gaji.

Justeru saya mengharapkan semua ketua jabatan mengambil tindakan bagi setiap ketidakhadiran kakitangan di jabatan masing-masing. Disini, saya juga ingin mengingatkan bahawa kakitangan kontrak yang mengambil cuti sakit lebih daripada 15 hari adalah dikira tidak hadir ke kerja.

### **Aduan**

MPSP membuka pelbagai saluran untuk penduduk Seberang Perai memberi cadangan/maklumbalas ke atas perkhidmatan MPSP. Pada tahun 2014 mulai Jan-Jul terdapat sebanyak 7414 aduan telah diterima oleh Biro Pengaduan Awam MPSP. Daripada jumlah tersebut sebanyak 6812 (92%) telah diselesaikan dan 602 masih dalam tindakan. Berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas 6109 aduan diterima. Pertambahan sebanyak 21% terutamanya dari kategori longkang dan sampah.

MPSP Watch telah mengikut KPI iaitu aduan pembersihan yang dilakukan dalam tempoh masa satu (1) hari manakala aduan melibatkan penguatkuasaan dan penyelenggaraan adalah tiga (3) hari daripada tempoh aduan yang diterima. Jumlah aduan MPSP Watch yang diterima bermula bulan Januari sehingga 31 Julai 2014 adalah sebanyak 1943

kes dimana sebanyak 1696 kes telah diselesaikan manakala 247 kes masih belum diselesaikan. Peratus selesai adalah sebanyak 87%.

### **3. Cabaran Kewangan**

Cabaran kewangan yang perlu dihadapi oleh MPSP adalah bagi mengurangkan kos perbelanjaan dan meningkatkan pendapatan. Pada tahun 2013, jumlah yang dibelanjakan adalah RM197,069,228. Manakala pendapatan adalah sebanyak RM199,811,772. Ini menunjukkan terdapat lebih sebanyak RM2,742,544. Dalam proses mengurangkan kos, MPSP akan sentiasa memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan tidak terjejas.

Kontrak yang ditawarkan mestilah mempunyai *value added dan outcome*. Jabatan-jabatan yang mengutip hasil perlulah meningkatkan usaha. Perbelanjaan secara berhemah perlu diamalkan di MPSP.

MPSP kini kearah pensijilan EnMS, oleh itu semua kakitangan perlu berhemah dalam penggunaan elektrik. Pengauditan EnMS telah selesai pada semalam dan hasil pengauditan adalah nampak positif. Keputusan akan dimaklumkan dalam masa 2 minggu lagi. Bagi tahun ini target penurunan penggunaan eletrik di bangunan Ibu Pejabat adalah sebanyak 3 % iaitu mengurangkan penggunaan eletrik sebanyak 69,411 kwh.

#### **4. Projek**

Projek-projek tebatan banjir yang sedang dijalankan adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>KOS PROJEK (RM)</b>	<b>% SIAP SEBENAR</b>
1	Projek Tebatan Banjir Dan Menaiktaraf Parit Di Sekitar Jalan Kampung Baru, Bukit Mertajam, SPT	<b>6,913,896.60</b>	100.0%
2	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Taman Sri Nibong, Nibong Tebal	<b>1,305,141.60</b>	92%
3	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Taman Siakap, Seberang Jaya, Pulau Pinang	<b>1,990,916.55</b>	10.8%
4	Cadangan Pembinaan Rumah Pam Dan Naiktaraf Parit Di Taman Seri Jaya Dan Taman Sungai Rambai, SPT	<b>2,409,330.00</b>	13%
5	Perlantikan Untuk Kajian Dan Menyediakan Pelan Sistem Perparitan Induk Di Kawasan Perindustrian Sg. Lokan	<b>455,433.97</b>	30%
6	Cadangan Kajian Mengatasi Banjir Di Taman Machang Bubok, SPT	<b>249,912.00</b>	10%
<b>JUMLAH</b>		<b>13,324,630.72</b>	

Untuk makluman semua, Pasar Awam Juru telah siap dibina dan akan dirasmikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang pada 23 Ogos 2014 (Sabtu).

#### **5. Projek Pembangunan**

**PERBANDINGAN BAGI TEMPOH MASA YANG SAMA JAN – JUN  
TAHUN 2014 & 2013**

JENIS PERMOHONAN	BILANGAN PERMOHONAN DITERIMA		BILANGAN PERMOHONAN SELESAI DALAM PIAGAM		BILANGAN PERMOHONAN SELESAI MELEBIHI PIAGAM	
	1 JAN-30 JUN 2013	1 JAN-30 JUN 2014	1 JAN-30 JUN 2013	1 JAN-30 JUN 2014	1 JAN-30 JUN 2013	1 JAN-30 JUN 2014
Permohonan Serentak	31	35	22 70.97%	9 69.23%	9 29.03%	4 30.77%
Kebenaran Merancang	154	191	108 71.52%	75 75.76%	43 28.48%	24 24.24%
Pelan Kejuruteraan	314	372	311 99.04%	237 96.34%	3 0.96%	8 3.25%
Pelan Bangunan	207	201	159 76.81%	165 89.67%	48 23.19%	19 10.33%
<b>Jumlah</b>	<b>706</b>	<b>799</b>	<b>600</b> <b>85.35%</b>	<b>486</b> <b>89.67%</b>	<b>103</b> <b>14.65%</b>	<b>55</b> <b>10.15%</b>

Sumber : Portal OSC 4 Ogos 2014

1. Secara perbandingan permohonan yang diterima bagi tempoh tersebut pada tahun 2014 menunjukkan lebih sebanyak 93 permohonan berbanding 2013. Namun begitu bagi pelan bangunan permohonan yang diterima adalah kurang sebanyak 6 permohonan berbanding tahun 2013 dalam tempoh tersebut.
2. Sebanyak 257 permohonan bagi tempoh tersebut tahun 2014 masih dalam proses dan 3 permohonan bagi tempoh tersebut tahun 2013 (SPC).
3. Secara peratusan permohonan selesai dalam piagam bagi tempoh tersebut pada tahun 2014 mencatatkan pencapaian lebih baik iaitu 89.67% (486 permohonan) berbanding tahun 2013 iaitu sebanyak 85.35% (600 permohonan).

## **6. Hari Kualiti**

Hari Q akan dijalankan pada 16 Ogos 2014, serentak dengan Sambutan Hari Majlis yang ke-40 yang akan dirasmikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang. Program-program yang akan dijalankan adalah pelancaran Seberang Tourist Map Edisi Kedua, Seberang Perai Heritage Trail, Laman Web COB dan Poskad "I Love Clean & Green". Disamping itu, kita juga akan memberikan penghargaan kepada pekerja contoh. Aktiviti kecergasan seperti senamrobik, sukaneka, senamrobik, sukaneka, aktiviti memasak, jualan pokok, promosi pengurangan kompoun, pameran.

### **7.Program-program**

Untuk makluman semua, Pra Audit 5S akan dijalankan pada 18 dan 19 Ogos ini dan diharapkan semua kakitangan memberi kerjasama dalam pengauditan ini. Disamping itu pada 24 Ogos ini MPSP akan menganjurkan MPSP Tower Run. Selain itu, MPSP turut bekerjasama Bulan Sabit Merah SPT dalam menganjurkan Merdeka Ride/Run pada 7 September 2014. Diharapkan semua kakitangan dapat menyertai aktiviti – aktiviti kecergasan ini.

### **8. Fokus**

Pencapaian keseluruhan Fokus MPSP bagi setengah tahun pertama adalah 59.06% dan secara terperinci adalah seperti berikut:

FOKUS		PERATUS PENCAPAIAN
1	Kebersihan	52.72%
2	Keselamatan & Lalulintas	50.00%
3	Penguatkuasaan	48.17%
4	Kawalan Banjir	58.88%
5	Pengindahan, Kehijauan dan Kemudahan Awam	45.14%
6	Penglibatan Komuniti	67.00%
7	Pembinaan Kapasiti	79.80%
8	Pengukuhan Fiskal	72.00%
9	Kecekapan Proses Kerja	57.80%
PERATUS PENCAPAIAN KESELURUHAN		59.06%

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada kakitangan MPSP atas sumbangan secara langsung mahupun secara tidak langsung di atas pencapaian MPSP selama ini. Saya juga mengharapkan kerjasama yang berterusan dari semua kakitangan bagi mempertingkatkan mutu kerja seterusnya membawa MPSP ke satu tahap yang membanggakan.



Dengan itu, saya sudah dengan Wabillahi Taufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.